

26 APRIL 2018

China rampas kokain terbesar 1.3 tan

China rampas kokain terbesar 1.3 tan

BEIJING - Polis China merampas 1.3 tan kokain dari Amerika Selatan dalam satu rampasan terbesar dadah berkenaan di negara itu, kata pihak berkuasa.

Polis di bandar raya Shenzhen turut menahan 10 suspek, kebanyakannya dari Hong Kong susulan siasatan yang bermula pada Julai 2017, kata Jabatan Keselamatan Awam Wilayah Guangdong dalam satu kenyataan.

Kenyataan kelmarin itu menyifatkan rampasan kokain tersebut sebagai terbesar di China.

Agensi berita rasmi *Xinhua* melaporkan, rampasan itu bernilai satu bilion yuan (RM625.4 juta) di pasaran gelap.

Dadah itu dipercayai dari sebuah negara di Amerika Selatan yang tidak dinyatakan itu dihantar menggunakan kapal ke Pelabuhan Shanwei di Guangdong.

Kenyataan polis yang disiarkan kelmarin tidak menyebut sama ada dadah itu adalah untuk pasaran China atau negara lain, namun, penggunaan kokain di China adalah rendah berbanding dadah lain.

Menurut laporan pemerintah pada 2017, China mempunyai seramai 2.5 juta penagih dengan 60 peratus menagih dadah sintetik, 38 peratus menggunakan opiate, manakala 14 peratus mengambil kokain dan ganja. - AFP



SEORANG anggota polis mengawal rampasan kokain yang dipamerkan kepada media di bandar raya Shenzhen, wilayah Guangdong kelmarin.

REUTERS